

TALKING POINTS
YBHG. PROF DATUK DR SHAHRIN SAHIB
NAIB CANSELOR

PERTANDINGAN AKHIR PIDATO PIALA NAIB CANSELOR

24 APRIL 2016 (AHAD), 11.00 PAGI
AUDITORIUM CANSELORI

Terima kasih kepada Pengerusi Majlis.

Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Taala
Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia.

Salam Melaka Maju Negeriku Sayang, Negeri Bandar Teknologi Hijau,
Melaka 754 tahun, Melaka Maju Fasa 2, Berkat, Tepat, Cepat.

Yang Berbahagia Profesor Dr. Izaidin bin Abdul Majid
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

Dekan-Dekan

Pegawai-Pegawai Kanan Universiti

Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar dan Barisan Exco MPP,

Para Pelajar, Hadirin dan Hadirat yang saya kasihi sekalian.

PENDAHULUAN

- Tahniah kepada Kelab Debat dan Pidato UTeM
- Penganjuran **pertandingan Pidato Naib Canselor kali pertama** bermula 23 April 2016. Penyertaan seramai **40 orang pelajar** dan **5 orang permidato di peringkat akhir** bagi setiap kategori Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Bahasa Cina.
- Dapat **mengesan dan mangasuh bakat** serta meningkatkan **kemahiran berkomunikasi** di hadapan khalayak ramai.
- Sebagai platform terbaik melahirkan pemitato hebat walaupun berada **dalam aliran teknikal dan IT.**

KELEBIHAN BERPIDATO

- Merangsang fikiran yang lebih pantas, logik, luas dan relevan
- Meningkatkan keyakinan, keberanian dan kecekalan diri
- Membentuk keperibadian diri seseorang
- Melatih cara berkomunikasi yang jelas dan tepat.
- Melatih mahasiswa lebih prihatin dan peka dengan isu semasa.

PEMIDATO HEBAT

- Penting dari aspek intelektual kerana berkait dengan kepintaran berunding dan berhujah.

- Pemidato hebat merupakan ciri penting kepada pemimpin. Sebagai contoh Perdana Menteri dan Mantan-Mantan Perdana Menteri yang telah berjaya berunding dengan pelbagai pihak yang berpengaruh besar.
- Perlu memiliki pengetahuan yang tinggi, kepintaran dan kematangan berfikir bagi mengeluarkan hujah-hujah yang bernas dan kukuh yang tidak diragukan..

PIDATO MEMBENTUK PEMIMPIN

- Mahasiswa hari ni merupayan pewaris kepada kepimpinan negara di masa akan datang.
- Kebolehan berkomunikasi dengan jelas, berfakta, dan mampu mempertahankan hujah merupakan ciri kepimpinan yang utama.

- Pemimpin juga perlu berkeyakinan tinggi, berpendirian tegas dan kukuh selain perlu cekap menganalisa fakta-fakta sebelum melontarkan buah fikiran.
- Menerusi aktiviti seperti pidato, debat, dan forum mampu menyemai ciri-ciri pemimpin masyarakat yang berwibawa dan berani menyampaikan hujah yang bernas di khalayak ramai.
- Tahniah kepada semua peminat yang menyertai pertandingan Pidato Naib Canselor 2016.

PENUTUP

- Soal menang atau kalah bukan persoalan yang perlu dibawa tetapi yang lebih penting ialah kredibiliti dalam berhujah
- Melahirkan graduan UTeM yang cekal dan berkeyakinan tinggi apabila tamat pengajian nanti

- Akhir kata, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua ahli jawatankuasa penganjur, Pejabat Hal Ehwal Pelajar, Kelab Debat dan Pidato UTeM dan semua pihak yang terlibat dalam menjayakan pertandingan akhir pidato Naib Canselor pada kali ini.

Sekian, terima kasih.